

Oleh Meor Ahmad
Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

Kuala Lumpur

Universiti awam (UA) secara umum tiada mengenakan sebarang larangan khusus terhadap pelajar untuk bermain Pokemon GO di dalam kampus, sebaliknya menyerahkan kepada golongan itu bagi membuat penilaian sendiri dan keputusan sewajarnya. Tinjauan *BH Varsiti* mendapati rata-rata pihak pengurusan UA menyifatkan pelajar sudah matang, sekali gus mampu melakukan

pertimbangan rasional dalam menghadapi fenomena permainan interaktif siber terbaharu itu.

Antara UA yang tidak menetapkan kawasan larangan bermain Pokemon GO di kampus ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Bagaimanapun, Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil keputusan melarang permainan itu di kawasan pejabat pentadbiran.

V2

TIADA SEKATAN DI KAMPUS

➔ UA serahkan kepada pertimbangan pelajar terhadap permainan Pokemon GO

'Sudah matang untuk berfikir'

← Dari V1

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni) UTM, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz, berkata dalam senario kegilaan generasi muda bermain Pokemon GO ketika ini, pihaknya menyerahkan kepada pelajar untuk memikirkan tanggungjawab mereka sebagai penuntut universiti.

"Kita menerapkan aspek tanggungjawab dalam diri pelajar dan pada masa sama, memberi nasihat bagi memastikan mereka bijak menghabiskan masa dengan baik.

"Mereka sudah matang untuk berfikir, tambahan pula media massa juga banyak mendedahkan kesan negatif permainan itu," katanya ketika dihubungi.

Beliau secara peribadi berpendapat permainan Pokemon GO tidak berfaedah

dan membuang masa, namun ramai teruja untuk mencuba kerana fenomena baharu yang sedang 'trending' sebelum dipercayai akan beransur reda serta mungkin dilupakan seperti permainan siber lain sebelum ini.

Usah taasub

"Bukan tidak boleh bermain sekadar untuk merehatkan minda atau menenangkan fikiran seketika tetapi jangan taasub sehingga pelajaran terabai," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi kebebasan kepada institusi pengajian tinggi (IPT) untuk menyediakan pelan tindakan sendiri dalam menangani isu berkaitan permainan Pokemon GO.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, dipetik sebagai berkata kementerian tidak

merancang untuk mengeluarkan garis panduan atau sekatan berhubung penggunaan aplikasi permainan itu, terutama dalam kalangan pelajar UA.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut dilaporkan menyeru umat Islam di negara ini supaya menghindarkan diri daripada bermain Pokemon GO atas pelbagai faktor, termasuk boleh membawa kepada kemudatan.

Tiada peraturan baharu

Sementara itu Naib Canselor UUM, Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata pihaknya juga menyerahkan perkara berkenaan kepada pertimbangan warga kampus selagi tiada berlaku sebarang pelanggaran peraturan dan keutamaan tanggungjawab mereka tidak terjejas.

Selain itu, beliau yang

Universiti Awam	Tempat larangan bermain Pokemon GO
UM	Tiada
UKM	Tiada
USM	Tiada
UTM	Tiada
UPM	Tiada
UiTM	Tiada
UMT	Tiada
UUM	Kawasan pejabat pentadbiran universiti

juga Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara berkata dalam konteks sama, tiada peraturan baharu diwujudkan kerana yang sedia ada sudah memadai.

"Warga universiti harus bijak membuat pilihan kerana permainan itu ada lebih banyak keburukan berbanding kebaikan. Sehubungan

itu, adalah lebih baik untuk pelajar memanfaatkan masa terluang untuk membuat rujukan ilmu dan belajar dalam kumpulan.

"Terpulang kepada masing-masing untuk membuat penilaian tetapi jika ada yang bermain sehingga mengganggu pelajar lain atau pensyarah yang sedang mengajar, tindakan akan diambil," katanya.

info